

30 OCT 1998

Mahathir-Pulang

MAHATHIR PULANG SELEPAS LAWATAN SINGKAT KE BRUNEI

Oleh: E.Sivabalan

BANDAR SERI BEGAWAN, 30 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pulang ke tanah air hari ini selepas lawatan kerja dua hari ke sini untuk membuka jalan bagi pelaburan lebih besar Brunei di Malaysia.

Antara yang berada di Lapangan terbang Antarabangsa Bandar Seri Begawan di sini untuk mengucapkan selamat jalan kepada Dr Mahathir dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali ialah Menteri Perindustriaan dan Sumber-Sumber Utama Brunei Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman Haji Mohd Taib, yang juga menteri pengiring, dan Pesuruhajaya Tinggi Malaysia ke Brunei Wan Yusof Embong.

Dr Mahathir memberitahu persidangan berita di sini semalam selepas mengadakan perbincangan dengan Sultan Hassanal Bolkiah di Istana Nurul Iman bahawa Brunei berminat untuk melabur lebih banyak di Malaysia dan ada kemungkinan negara yang kaya dengan minyak itu akan melabur dalam syarikat-syarikat Malaysia yang terlibat dalam bidang hartanah dan perhotelan.

Katanya walaupun menghadapi krisis kewangan dan ekonomi serantau, Malaysia melihat perkembangan positif dalam pelaburan lebih besar Brunei.

Lawatan itu juga membolehkan Perdana Menteri dan Sultan Hassanal menyelesaikan beberapa perkara penting dua hala seperti masalah imigresen yang dihadapi rakyat kedua-dua negara yang menggunakan laluan Brunei-Miri.

Atas semangat kejiranan dan Asean, Dr Mahathir dan Sultan Hassanal bersetuju memenuhi permintaan antara satu sama lain.

Kedua-dua pemimpin turut menyatakan rasa puas hati mereka terhadap hubungan dua hala kini.

Semasa perbincangan empat mata mereka, Dr Mahathir dan Sultan Hassanal juga membincangkan perkara-perkara serantau termasuk kemasukan Phnom Penh ke dalam Asean sebaik kerajaan Kemboja dibentuk.

Dr Mahathir juga berkata beliau telah memaklumkan kepada Sultan Hassanal yang juga Perdana Menteri Brunei bahawa Malaysia mengalu-alukan para pelajar Brunei melanjutkan pelajaran di Malaysia.

Lawatan Perdana Menteri ke Brunei juga merupakan lawatan pertama perjanjian perundingan Malaysia-Brunei antara Dr Mahathir dan Sultan Hassanal.

Kedua-dua pemimpin bersetuju di Kuala Lumpur tahun lepas untuk mengadakan pertemuan setiap tahun untuk bertukar-tukar fikiran dan membincangkan perkara-perkara kepentingan bersama serantau dan antarabangsa,

Semasa kunjungan dua harinya di sini, Dr Mahathir turut mengadakan perjumpaan dengan masyarakat Malaysia di Rumah Malaysia di mana beliau juga menerima sumbangan berjumlah lebih RM50,000 daripada mereka untuk Dana Khas Negara.

Sebelum pulang hari ini, Dr Mahathir menyertai Sultan Hassanal untuk santapan pagi.

-- BERNAMA

ES RON